

Sukar ubah sikap orang Melayu — PM

UM 19 JUL 2001

Oleh
MOHD. RADZI MOHD. ZIN

PUTRAJAYA 18 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang genap dua dekad menjadi Perdana Menteri kelmarin berkata, kegagalan paling besar sepanjang 20 tahun menerajui negara ialah untuk mengubah sikap orang Melayu.

Beliau yang menekankan bahawa mengadakan program pembangunan lebih mudah daripada mengubah sikap orang Melayu sepanjang 20 tahun lalu, berkata, pelbagai cara telah dilakukan tetapi ia masih gagal mengubah budaya orang Melayu.

Maju atau mundurnya sesuatu bangsa itu bergantung kepada nilai-nilai hidup yang dipegang, katanya.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, pada amalan-nya orang Melayu tidak begitu rajin berusaha, bukannya tidak boleh melakukannya tetapi kerana sikap malas.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, terdapat sebuah kawasan tanaman padi di Kedah yang mencerminkan perbezaan ketara antara sawah kepunyaan orang Melayu dan Cina.

Katanya, sawah orang Cina tersebut sangat subur dan padinya elok sedangkan sawah orang Melayu tidak menjadi.

"Mengapa kita tidak boleh belajar cara bagaimana orang Cina itu berjaya mengusahakan sawahnya.

"Kita masih lagi orang Melayu kalau kita berubah. Inilah kegagalan saya yang paling besar dan saya kena lepaskan jawatan ini kepada orang lain bila tiba masanya," kata beliau semasa berucap pada jamuan makan malam anjuran Kelab Penyokong Kerajaan (BBC)

di IOI Hotel Resorts di sini, malam ini.

Antara turut hadir ialah Pengerusi BBC, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis dan Speaker Dewan Rakyat, Tun Zahir Ismail.

Majlis itu bertujuan meraikan genapnya 20 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Dalam ucapan selama 67 minit itu, Dr. Mahathir berkata, saat yang paling sulit dihadapinya ialah semasa menghadapi serangan penyangak mata wang, George Soros pada 1997.

Katanya, tindakan penyangak mata wang itu menyebabkan negara keru-

gian hampir RM1 trilion kerana nilai ringgit susut.

"Ini adalah jumlah kekayaan negara yang hilang. Orang lain tidak kira tetapi saya kira, bila nilai ringgit susut bermakna kita telah kehilangan separuh kuasa membeli," tambahnya.

Dr. Mahathir berkata, pada masa yang sama beliau terpaksa mencari jalan mengatasi keadaan itu.

Katanya, ketika itu setiap hari mesyuarat jawatankuasa kecil diadakan untuk mengetahui kedudukan ekonomi negara.

"Hasil daripada itu, kita berjaya menjual hartanah bernilai RM6 bilion dalam tempoh dua hari," katanya.

Perdana Menteri berkata, semasa kemelesetan itu, beliau cuba meminjam wang dari negara jiran tetapi dikenakan syarat bayaran faedah yang tinggi.

Namun, katanya, saat beliau paling berpuas hati ialah semasa berjaya mengaudit kekayaan negara dengan mengetahui jumlah sebenar duit yang dimiliki oleh Malaysia.

"Selepas itu, apabila saya berjumpa dengan ketua negara tersebut, saya ucap terima kasih kepadanya tetapi saya kata, saya ada cukup duit dan tak perlu pinjam.

"Dia nampak pucat apa-

bila saya kata begitu dan masa itu saya rasa cukup gembira," jelasnya.

Perdana Menteri turut menceritakan rahsia beliau kelihatan muda dan cergas di sebalik usianya yang kini 76 tahun.

Kata Dr. Mahathir, beliau sentiasa mengatur dengan baik hidupnya selain menggunakan masa perjalanannya dalam kapal terbang untuk tidur.

"Jangan terlalu memikirkan masalah... kadang-kadang ia datang pada waktu malam. Masalah kita memang banyak termasuk masalah peribadi tetapi esok ia akan berlalu," jelasnya.